

Headline	Pasaran bercampur-campur		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	215 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 11,312		



Pasaran bercampur-campur

» Kurang arah tuju dari Wall Street pengaruhi sentimen pelabur

Saham di Bursa Malaysia ditutup bercampur-campur semalam di tengah-tengah aktiviti memperelok akaun selain kurangnya arah tuju dari Wall Street minggu lepas yang menjejaskan sentimen, kata peniaga.

Prestasi pasaran negatif dengan kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 474 berbanding 284, dengan 290 kaunter tidak berubah, 516 tidak diniagakan dan 26 lagi digantung.

Namun belian kukuh saham wajaran tinggi meningkatkan momentum belian di FTSE Bursa Malaysia dengan KLCI meningkat 5.43 mata lebih tinggi untuk ditutup 1,818.15, menghampiri paras tertinggi baru 1,818.93.

Jumlah dagangan berkurangan kepada 1.25 bilion saham bernilai RM1.39 bilion berbanding 1.19 bilion saham bernilai RM1.52 bilion Jumaat lalu.

Ketua Penyelidik Inter-Pacific Research Sdn Bhd, Pong Teng Siew, berkata keuntungan disekat oleh jumlah dagangan yang secara tradisinya rendah dan aktiviti memperelok akaun untuk

menjual kedudukan menjelang akhir tahun.

Beliau berkata, aktiviti memperelok akaun akan berterusan sehingga bulan depan dan petunjuk pasaran dijangka mencecah paras tinggi baru tidak lama lagi.

HwangDBS Vickers Research, dalam notanya berkata dagangan tidak banyak bergerak ketika pasaran utama Amerika Syarikat (AS) bercampur-campur minggu lalu.

Dalam negara saham Tenaga Nasional menjadi tumpuan selepas ia meminta menggantung dagangan dari jam 2.30 petang hingga 5 petang semalam untuk membuat pengumuman penting mengenai tarif elektrik.

Sahamnya naik tiga mata kepada RM9.89 pada akhir sesi pagi.

Di papan mata, Indeks Kewangan naik 25.75 mata kepada 16,701.4 dan Indeks Perusahaan menokok 20.25 mata kepada 3,174.08.

Indeks Perladangan susut 20.5 mata kepada 8,859.55

Indeks FBM Emas naik 25.34 mata kepada 12,579.38, manakala Indeks FBMT100 meningkat 27.39 mata kepada 12,329.72.

Indeks FBM Ace susut 29.25 mata kepada 5,563

dan FBM 70 turun 7.34 mata kepada 14,173.91.

Antara saham aktif, XOX susut 2.5 sen kepada 14.5 sen dan Sumatec turun dua sen kepada 28.5 sen dan Tiger Synergy menokok 0.5 sen kepada 22.5 sen.

Bagi saham wajaran tinggi, Maybank meningkat empat sen kepada RM9.82, CIMB susut tiga

sen kepada RM7.55 dan Sime Darby tidak berubah pada RM9.65.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama turun kepada 832 juta unit bernilai RM1.31 bilion berbanding 896.09 juta unit bernilai RM1.45 bilion Jumaat lepas.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE meningkat kepada 377.27 juta saham bernilai RM77.26 juta berbanding 248.09 juta saham bernilai RM56.15 juta minggu lalu.

Waran meningkat kepada 31.84 juta unit bernilai RM3.7 juta berbanding 39.52 juta unit bernilai RM3.16 juta sebelumnya.

Barangan pengguna menyumbang sejumlah 57.86 juta saham di Pasaran Utama, barangan perindustrian 86.48 juta, pembinaan 60.03 juta, perdagangan dan perkhidmatan 347.88 juta, teknologi 42.77 juta, infrastruktur 20.94 juta, SPAC 23.13 juta, kewangan 49.55 juta, hotel 615,900, hartanah 127.78 juta, perladangan 9.49 juta, perlombongan 22,000, REIT 6.25 juta dan dana tertutup 13,000.

BERNAMA